

05/03/2003

Wibawa, pengalaman Musa pilihan terbaik buat Sabah

Lichong Angkui

TEKA-TEKI pengganti Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri terjawab apabila Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman, 52, diumumkan untuk mengambil alih teraju negeri ini menerusi sistem penggiliran yang diperkenalkan sejak 1994.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan perkara itu

kepada pemberita sebelum berlepas ke Doha, Qatar untuk menghadiri mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang, semalam.

Pengumuman itu sekali gus melenyapkan pelbagai spekulasi yang tersebar sejak beberapa minggu lalu dengan pelbagai ramalan dibuat, sehinggakan pada satu peringkat ia hampir menggagalkan ketenangan politik Sabah, khususnya Umno dan Barisan Nasional (BN).

Pelantikan Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah bagaimanapun, bukan sesuatu yang mengejutkan. Laporan media tempatan dan akhbar arus perdana turut meletakkan beliau pada kedudukan teratas dalam setiap ulasan dan laporan mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Jangkaan itu berdasarkan hakikat kedudukannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, selain memegang portfolio penting, iaitu Kementerian Kewangan dalam Kabinet Sabah.

Secara tradisinya dalam politik Umno di Semenanjung, Pengerusi Perhubungan Umno negeri biasanya menjadi ketua eksekutif pentadbiran negeri selain menerajui kepemimpinan parti dan BN.

Atas kedudukannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Musa

turut dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi Umno. Beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Sungai Sibuga dan Ketua Umno Bahagian Libaran.

Dalam pada itu, penganalisis politik berpendapat pengumuman awal mengenai pelantikan Musa sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru dapat menjamin proses peralihan kuasa secara lancar tanpa masalah.

Ia mungkin dilakukan dengan mengambil kira pengalaman ketika Chong mengambil alih daripada penyandang terdahulu, iaitu Datuk Osu Sukam, apabila ada percubaan pihak tertentu untuk menghalangnya dengan mengemukakan petisyen di mahkamah.

Bagaimanapun, percubaan tiga ahli perniagaan untuk menghalang istiadat angkat sumpah Chong tidak berhasil, apabila permohonan injunksi mereka ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu atas alasan tiada 'locus standi'.

Dalam permohonan injunksi itu, tiga ahli perniagaan terbabit iaitu Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan Ismail Jamlang, menamakan Yang di-Pertuan Negeri (ketika itu) Tun Sakaran Dandai, sebagai defendan pertama dan Chong sebagai defendan kedua. Dalam affidavit sokongan, ketiga-tiga plaintif mendakwa pelantikan Chong menyalahi undang-undang dan bertentangan peruntukan Bahagian I Artikel 6(7) Perlembagaan Sabah.

Tetapi dengan pengumuman pelantikan Musa lebih awal, iaitu 24 hari sebelum berakhirnya tempoh Chong, bermakna ia dapat menangkis sebarang

percubaan mana-mana pihak untuk menyekatnya.

Justeru, menjelang 27 Mac nanti, Chong akan menyerahkan tugas itu secara

rasmi kepada Musa untuk mengemudi pentadbiran negeri selanjutnya.

Sebenarnya sejak sistem penggiliran diperkenalkan pun, proses peralihan

kuasa tidak menimbulkan apa-apa kesulitan, kecuali ketika Chong mengambil

alih daripada Osu.

Ia dipersetujui berdasarkan konsensus semua parti komponen BN Sabah terhadap sistem itu yang matlamat asalnya bagi menstabilkan politik Negeri

Bawah Bayu, yang sentiasa bergoncang ditiup angin perubahan.

Bagi kalangan pemimpin BN Sabah, pelantikan Musa disifatkan sebagai amat

bertepatan. Beliau adalah pemimpin berwibawa yang tidak banyak bercakap, tetapi kuat bekerja. Dengan penampilan, imej dan stail kepemimpinannya yang tersendiri, Musa adalah pilihan terbaik memimpin negeri Sabah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tentunya mempunyai alasan kukuh kenapa memilih Musa. Pemilihan itu pasti mengambil kira pengalaman Musa sebagai tokoh korporat sebelum ini dan kemudian dalam Kabinet negeri.

Yang jelas, pelantikan Musa adalah bukti komitmen pimpinan kerajaan meneruskan sistem penggiliran yang diperkenalkan pada 1994 dan kemudian diubah suai selepas pilihan raya negeri 1999.

Mengikut perubahan sistem itu, Umno diberi peluang dua kali dengan mengambil kira statusnya sebagai parti berpengaruh dengan mendominasi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, iaitu menguasai 26 daripada 48 kerusi negeri.

Musa adalah Ketua Menteri ke-14 sejak Sabah mencapai kemerdekaan pada 1963 dan Ketua Menteri ketujuh menerusi sistem penggiliran berkenaan.

Ketua-Ketua Menteri terdahulu termasuk Donald Stephens (1963-1964); Peter Lo (1965-1967); Tun Datu Mustapha Datu Harun (1967-1975); Tun Said Keruak (1975-1976); Tun Fuad Stephens (1976 - Jun 1976); dan Datuk Harris Salleh (1976-1985).

Yang lain ialah Datuk Joseph Pairin Kitingan (1985-Mac 1994); Tun Sakaran Dandai (Mac 1994-Disember 1994); Datuk Seri Salleh Said (Disember 1994-Mei 1996); Datuk Yong Teck Lee (Mei 1996-Mei 1998); Tan Sri Bernard Dompok (Mei 1998-Mac 1999); Datuk Osu Sukam (Mac 1999-Mac 2001); dan Chong (sejak Mac 2001).

Dengan pelantikan Musa kali ini, bermakna sudah empat pemimpin Umno Sabah diberi kepercayaan menyandang jawatan Ketua Menteri bermula dengan Sakaran, diikuti Salleh (yang menggenapkan tempoh dua tahun kuota Umno), kemudian Osu dan kini giliran Musa.

Selain Umno, BN Sabah dianggotai oleh beberapa parti komponen iaitu Parti Liberal Demokratik, Parti Bersatu Rakyat Sabah, Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun/Murut Bersatu, Parti Maju Sabah, Parti Bersatu Sabah, MIC, MCA dan Gerakan.

Dengan pengumuman pelantikan itu, sewajarnya semua parti komponen BN negeri memberikan sokongan kuat dan komitmen padu kepada kepimpinan Musa. Semua perlu akur demi kesinambungan pelaksanaan agenda pembangunan

negeri ini keseluruhannya.

Dalam barisan kepemimpinan Umno Sabah sendiri, seluruh jenteranya wajar memberikan sokongan padu kepada Musa supaya kepemimpinannya menjadi lebih berkesan lagi. Dengan demikian, Umno yang mempunyai 20 bahagian di Sabah akan terus menjadi parti dominan menunjangi pemerintahan kerajaan negeri serta relevan sepanjang zaman.

Hakikatnya, Musa kini menghadapi cabaran besar untuk ditangani. Beliau bukan saja perlu menentukan agenda pembangunan berjalan lancar dan nasib rakyat terus terbela, malah lebih penting memastikan kemenangan cemerlang BN mendepani pilihan raya umum dan negeri akan datang.

Dengan desas-desus mengenai kemungkinan pilihan raya negeri diadakan lebih awal serta pelbagai kemelut yang melingkari parti komponen negeri, Musa tidak boleh leka dan membuang masa walaupun dalam keadaan sifar pembangkang dalam DUN Sabah sekarang.

Dengan mempunyai sembilan parti komponen dalam BN negeri, tentulah tidak mudah untuk memuaskan hati semua pihak dalam apa-apa perkara. Tetapi, jika semua pihak mengamalkan prinsip tolak ansur, kerjasama dan muafakat, sesuatu pertikaian tidaklah terlalu sukar untuk dileraikan.

Jika semua perkara dirunding dan dibincang sebagai satu keluarga dalam BN, sudah tentu semua keputusan akan mendapat sokongan padu.

Yang akan diperhatikan oleh pemerhati politik sekarang ialah sama ada Musa akan melakukan rombakan Kabinet negeri apabila menduduki kerusi eksekutif Ketua Menteri yang kini berpejabat di tingkat 17 Wisma Innoprise, Teluk Likas, nanti.

Selain itu, apa yang diperhatikan ialah apakah konsep dan isu yang akan diberinya keutamaan kelak? Yang pasti, pelantikan sebagai Ketua Menteri adalah suatu tugas dan tanggungjawab yang menuntut pengorbanan besar untuk memenuhi harapan tinggi rakyat.